



Untuk siaran segera
27 April 2026

ASNB Lancar Kempen Pandu Impianmu 2.0 dengan Hadiah Bernilai RM875,000

Syarikat pengurusan unit amanah PNB menarik lebih 100,000 penyertaan dalam edisi pertama kempen, selari usaha ASNB untuk terus membantu lebih ramai rakyat Malaysia merealisasikan impian menerusi pelaburan konsisten dan jangka panjang

KUALA LUMPUR, 27 April 2026: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini melancarkan 'Kempen Pandu Impianmu 2.0' yang menawarkan pelbagai hadiah menarik termasuk sebuah BMW 320i M Sport sebagai hadiah utama, sebuah Proton e.MAS 7 dan enam buah Perodua Bezza.

Kempen ini terbuka kepada semua pelabur ASNB. Untuk menyertai, pelabur hanya perlu mendaftar dan melabur minimum RM500 dalam mana-mana unit ASNB bagi melayakkan diri menerima satu tiket cabutan.

Menariknya, setiap pelaburan melalui platform digital seperti myASNB, termasuk RIA akan menerima tiket berganda untuk jumlah pelaburan yang sama. Sebagai contoh, pelaburan sebanyak RM1,000 akan memberikan dua tiket jika dibuat di cawangan atau ejen, dan empat tiket sekiranya dilakukan melalui myASNB atau RIA.

Kempen yang sudah bermula pada 1 April lalu ini akan berlangsung dalam dua fasa, membabitkan dua kali cabutan hadiah:

- Hadiah-hadiah untuk cabutan pertama (1 April – 30 September 2026)
 - Sebuah Proton e.MAS 7
 - Tiga buah Perodua Bezza
 - 10 Pakej Penginapan (3H2M di Hard Rock Hotel Penang dan 3H2M di Hard Rock Hotel Desaru)
 - 50 PIN Touch 'n Go Reload bernilai RM1,000
- Hadiah-hadiah untuk cabutan kedua (1 April 2026 – 31 Mac 2027)

- Hadiah utama, sebuah BMW 320i M Sport
- Tiga buah Perodua Bezza
- Lima keping Kad Petronas bernilai RM5,000
- 10 Pakej Penginapan (3H2M di Hard Rock Hotel Penang dan 3H2M di Hard Rock Hotel Desaru)
- 50 PIN Touch 'n Go Reload bernilai RM1,000

Fadzihan Abbas Mohamed Ramlee, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, berkata pihaknya berharap Pandu Impianmu 2.0 akan terus menjadi aspirasi kepada lebih ramai lagi rakyat negara ini untuk mula melabur, seterusnya menyemai langkah awal ke arah amalan kewangan berdisiplin sepanjang hayat.

“Di ASNB, kami percaya pelaburan adalah untuk semua tanpa mengira latar belakang dan jumlah pelaburan. Matlamat kami ialah mendidik dan menyediakan peluang kepada semua untuk melabur, membina tabungan dan seterusnya membina kehidupan lebih sejahtera,” katanya dalam Majlis Penyampaian Hadiah untuk Kempen Pandu Impianmu, Gen Labur dan Labur & Level-Up serta Pelancaran Kempen Pandu Impianmu 2.0, di sini, hari ini.

Untuk layak sebagai pemenang, pelabur perlu mempunyai Simpanan Bersih minimum RM500 dalam tempoh kempen.

Pada majlis yang sama, pemenang Kempen Pandu Impianmu, Gen Labur! turut menerima hadiah masing-masing. Hadiah utama dimenangi oleh Fatin Hazirah Binti Mohd Mustapa, manakala hadiah kedua jatuh dan ketiga masing-masing dimenangi oleh Ashraf Aizzuddin Bin Abd Rahni dan Tan Yau Siang.

Selain itu, lima pemenang utama kempen Labur & Level-Up turut diumumkan, masing-masing membawa pulang hadiah bernilai RM20,118.00. Senarai penuh pemenang boleh diperolehi di laman web ASNB.

Kempen Labur & Level-Up yang berlangsung dari 1 Jun 2025 hingga 31 Mac 2026 memerlukan pelabur ASNB melabur menerusi Auto Labur dengan minimum RM50 setiap bulan. Seramai 2,835 pemenang telah dipilih sepanjang tempoh kempen berlangsung.

Mengulas sambutan menggalakkan terhadap kedua-dua kempen, Fadzihan Abbas berkata, "Sambutan menggalakkan terhadap kedua-dua kempen ini membuktikan satu perkara penting - iaitu sebilangan besar rakyat Malaysia sebenarnya mempunyai keupayaan untuk melabur, namun mereka memerlukan satu faktor tarikan untuk memulakan dan meneruskannya secara konsisten."

"Kejayaan Labur & Level-Up dan Pandu Impianmu, Gen Labur! telah mengukuhkan keyakinan kami bahawa seruan #KitaGenerasiLabur perlu dilakukan secara berterusan bagi mencapai semua lapisan masyarakat," katanya.

Nilai hadiah yang ditawarkan menerusi Kempen Pandu Impianmu, Gen Labur! adalah sebanyak RM687,000, manakala RM1.18 juta telah ditawarkan menerusi Kempen Labur & Level-Up. Bagi kempen terkini, iaitu Kempen Pandu Impianmu 2.0, sebanyak RM875,000 nilai hadiah ditawarkan.

Nilai hadiah keseluruhan kempen-kempen ASNBN ini bernilai RM2.74 juta.

Sementara itu, Pemenang Hadiah Utama BMW i4 Gran Coupé, Fatin Hazirah binti Mohd Mustapa, berkata pengorbanan untuk menyusun semula gaya hidup bagi memastikan beliau dapat melabur secara konsisten dengan jumlah minimum RM500 setiap bulan telah memberikan pulangan yang tidak disangka.

"Saya memang melabur secara konsisten setiap bulan dalam unit amanah ASNBN, namun jumlahnya bergantung kepada lebih pendapatan yang ada. Namun, selepas mengetahui mengenai kempen ini, saya mula menilai semula perbelanjaan harian dan menyusun keutamaan agar dapat memastikan pelaburan minimum RM500 setiap bulan," katanya.

Beliau menambah antara perubahan yang dilakukan termasuk mengurangkan pengambilan kopi berjenama setiap hari dan memilih alternatif yang lebih mampu milik, bagi memberi keutamaan kepada pelaburan secara konsisten setiap bulan.

Fatin Hazirah yang berasal dari Pulau Pinang mula melabur sejak usia muda selepas diperkenalkan oleh ibunya kepada unit amanah ASNBN, dan terus mengamalkan tabiat tersebut setelah mula bekerja.

Untuk maklumat lanjut mengenai Pandu Impianmu 2.0, sila layari:
<https://www.asnb.com.my/campaign/pandu-impianmu-2>

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampuan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,400 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 300 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

LAMPIRAN

Senarai pemenang untuk Pandu Impianmu Gen Labur!:

Kategori	Hadiah	Nama Pemenang
Hadiah Utama	1 x BMW i4 Gran Coupé	FATIN HAZIRAH BINTI MOHD MUSTAPA
Hadiah Kedua	1 x Ford Ranger XLT Plus	ASHRAF AIZZUDDIN BIN ABD RAHNI
Hadiah Ketiga	1 x BYD Atto 2	TAN YAU SIANG
Hadiah Keempat	3x Vespa Primavera S 150	1. OOI SHI YUEN 2. LAU WE XUEN 3. ABDUL AKIZ BIN SAAD
Hadiah Kelima	3 x Pakej Tiga (3)-hari Dua (2)-malam di Park Hyatt Kuala Lumpur	1. NUREZALI BIN OSMAN 2. MOHD ZAIDIE BIN ABDUL MAJID 3. LIZAWATI BTE. DALI

Senarai lima pemenang utama Labur & Level-Up!:

No	Hadiah	Nama Pemenang
1	RM20,118	RUSELYNDA BINTI MOHAMAD ROZI
2	RM20,118	WAN NUR AMIRA BINTI MAT TAHIR
3	RM20,118	NORMAH BINTI ABDUL RAHMAN
4	RM20,118	AMILA BINTI KAMARUDIN
5	RM20,118	SHARIFAH AMIRAH EZZATI BT SYED ESA